

03/06/2004

Jepun harap lawatan PM matangkan hubungan

By Mior Kamarul Shahid

TOKYO: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang berada di sini dalam rangka lawatan kerja sehari ke Jepun, akan menemui rakan sejawatnya, Junichiro Koizumi untuk mengukuhkan `kematangan' hubungan dua hala kedua-dua negara.

Duta Malaysia di Jepun, Datuk Marzuki Mohd Noor, berkata lawatan Abdullah dinanti-nantikan oleh pemimpin kerajaan, ahli politik, masyarakat perniagaan, pelabur, malah rakyat Jepun untuk menentukan haluan baru hubungan dua hala, terutama selepas Abdullah menjadi Perdana Menteri.

Ini adalah lawatan pertama Abdullah ke Jepun selepas mengambil alih jawatan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad, Oktober tahun lalu.

"Mereka meletakkan harapan yang tinggi kepada Abdullah dan mahu mendengar pandangan daripada pemimpin Malaysia itu," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, semalam.

Abdullah sebelum ini mengadakan beberapa perbincangan dengan Koizumi termasuk pada sidang kemuncak Asean.

Perdana Menteri yang tiba di sini malam tadi, dijadualkan menemui bekas Menteri Luar Jepun, Dr Taro Nakayama yang juga Pengerusi Ahli Parlimen Kependudukan (JPEP) dan Persatuan Kependudukan dan Pembangunan Asia (APDA).

Pagi ini, Abdullah memberi ucapan pada Persidangan Antarabangsa Nikkei bertajuk `Masa Depan Asia Meletakkan Asas Integrasi Serantau Asia'.

Marzuki berkata, walaupun hubungan Malaysia-Jepun sudah kukuh, ada perancangan yang mungkin perlu dikaji semula selain menentukan ruang baru untuk kerjasama dua hala yang lebih kukuh.

"Setakat ini hubungan Malaysia-Jepun berada pada tahap cemerlang sama ada pada peringkat kerajaan, politik atau rakyat," katanya.

Purata jumlah eksport Malaysia ke Jepun antara AS\$12 hingga AS\$13 bilion setahun, sama jumlahnya dengan import barang Jepun ke Malaysia atau kira-kira purata AS\$1 bilion sebulan.

Dalam tempoh tempoh tiga bulan pertama tahun ini, kerajaan sudah pun meluluskan 20 lagi projek sebagai tambahan kepada 100 pelaburan baru di Malaysia tahun lalu, kebanyakannya membabitkan pembesaran dan meluaskan perniagaan.

Ini menunjukkan pelabur Jepun selesa berniaga di Malaysia meskipun berlaku pertukaran kepemimpinan.

Marzuki berkata, Jepun sentiasa berada di tempat ketiga pelabur asing di Malaysia.

Katanya, Jepun tidak menjangkakan perubahan dasar ketara berhubung perhubungan kedua-dua negara sejak hubungan kukuh diwujudkan ketika pentadbiran Dr Mahathir.

"Pelabur terus yakin terhadap kepemimpinan politik, kestabilan negara dan keupayaan negara menawarkan perkhidmatan kepada mereka," katanya.

Dari segi pelancongan, Marzuki berkata, walaupun berlaku penurunan mendadak jumlah pelancong sama ada ke Malaysia atau Jepun berikutan wabak Sistem Pernafasan Yang Teruk (SARS), selesema burung dan kesan perang di Iraq, keadaan sudah bertambah baik.

Dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini, kira-kira 100,000 pelancong Jepun melawat Malaysia berbanding hanya 200,000 sepanjang tahun lalu.

Katanya, dengan langkah Penerbangan Malaysia (MAS) meningkatkan penerbangan dua kali seminggu bagi penerbangan Osaka-Kota Kinabalu, dua kali sehari sektor Tokyo-Kuala Lumpur dan penerbangan Nagoya-Kuala Lumpur,

lebih ramai pelancong akan datang ke Malaysia.

"Kekerapan penerbangan ini memberi keselesaan kepada rakyat Jepun kerana jika ada kecemasan, mereka mudah pulang ke negara mereka.

"Mereka juga suka menetap di Malaysia kerana kita mempunyai semua prasarana termasuk sekolah Jepun," katanya.

Kini, ada kira-kira 1,400 syarikat Jepun termasuk bertaraf multinasional beroperasi di Malaysia, 700 daripadanya adalah dalam sektor pengeluaran. Walaupun, ada syarikat Jepun meninggalkan Malaysia, kebanyakannya berasaskan intensif buruh.

"Malaysia tidak menggalakkannya syarikat seperti itu sebaliknya cenderung kepada galakan menubuhkan industri berasaskan teknologi tinggi," katanya.

(END)